

05 SEP 2001

Lee-Perjanjian

S'PURA SETUJU SELESAI ISU UTK ELAK BERURUSAN DENGAN K'JAAN BUKAN UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew hari ini berkata Singapura mencapai perjanjian dengan Malaysia untuk menyelesaikan isu-isu dua hala yang tertangguh bagi mengelak kemungkinan berurusan dengan rakan lain yang bukan dari gabungan kerajaan pimpinan Umno yang boleh menimbulkan masalah.

Sambil berkata bahawa Singapura tidak beralah dalam mencari penyelesaian itu, katanya perjanjian itu mungkin lebih baik bagi republik pulau berkenaan.

"Andaikan kami tidak membuat sebarang perjanjian dan berlaku perkembangan yang tidak disangkakan di Malaysia, umpamanya pada tahun 2004, semoga ia tidak berlaku, anda tidak mempunyai gabungan yang diketuai Umno, dengan itu kami mempunyai rakan baru untuk berunding. Itu lebih bermasalah," katanya pada sidang media pada akhir lawatan empat hari beliau ke Malaysia.

Bagaimanapun, Lee berkata daripada mesyuarat dan pertemuannya dengan rakyat Malaysia termasuk anggota media di sini, keadaan sedemikian tidak mungkin berlaku.

Lee menjawab pertanyaan yang berkisar kepada perjanjian yang dicapai semalam dalam perbincangan dua hala antara beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kedua-dua negara pada dasarnya bersetuju untuk menyelesaikan semua isu tertangguh.

Isu-isu berkenaan termasuk penjualan air kepada Singapura, perjanjian bagi membangunkan tanah kereta api milik KTM Bhd, dan status kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantina Malaysia di stesen KTMB di Tanjung Pagar.

Isu-isu lain ialah penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Republik Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Antara soalan yang ditanya kepada Lee ialah rakyat Singapura mungkin bertanya mengapa negara itu perlu membuat penyelesaian bagi jumlah air yang kurang dengan nilai bayaran lebih tinggi dan perasaan umum bahawa Singapura terpaksa banyak membuat pertimbangan untuk menyelesaikan masalah berhubung bekalan air dan tanah milik KTMB, dalam perjanjian itu.

Menteri kanan Singapura itu berkata isu-isu itu telah berlanjutan beberapa tahun malah sebelum krisis ekonomi serantau lagi dan apa juga yang telah dipersetujui adalah hasil daripada sikap bertolak ansur.

"Kami boleh terus bertegas dan menunggu berlakunya perkembangan tetapi kami mungkin akan berunding dengan kerajaan yang tidak boleh menunaikan janji," katanya.

Mengenai bekalan air, Lee berkata Singapura telah meminta 750 juta gelen (satu gelen bersamaan 4.5 liter) air sehari dari Malaysia selepas 2061 tetapi ia dikurangkan kepada 350 juta gelen.

Menjawab soalan lain, Lee berkata beliau tidak percaya Malaysia akan "menutup paip" dengan mudah.

"Saya tidak pasti apa yang akan dilakukan oleh kerajaan yang tidak waras tetapi tidak ada kerajaan yang rasional yang mahu mengambil langkah yang akan membawa kepada campur tangan Majlis Keselamatan PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) dan tindakan oleh kami.

"Maksud saya ia bukanlah sesuatu yang anda lakukan tanpa memberi kesan. Perjanjian adalah perjanjian," katanya.

Lee berkata perjanjian adalah perjanjian dan menggesa kedua-dua pihak untuk terus bergerak dan melaksanakan apa yang telah dipersetujui.

Ditanya tentang ramalan beliau mengenai situasi politik pasca Mahathir di Malaysia, Lee berkata satu daripada tujuan lawatan beliau ke sini ialah untuk mendapatkan pemahaman berhubung perkara itu.

"Saya rasa saya mempunyai satu gambaran menyeluruh yang akan dilaporkan kepada kabinet yang saya tidak harus bincangkan secara terbuka di sini," katanya.

Bagaimanapun, Lee berkata beliau dimaklumkan oleh wartawan Malaysia bahawa tidak mungkin PAS berkuasa pada pilihan raya akan datang walaupun ada kemungkinan UMNO akan hilang sokongan akar umbi.

Mengenai mengapa beliau dan bukannya Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong yang datang ke Malaysia dalam usaha menyelesaikan isu-isu dua hala, Lee berkata Goh dan Dr Mahathir telah beberapa tahun mencuba untuk menyelesaikan masalah itu tetapi mereka gagal mencapai keseimbangan.

"Oleh itu, dengan mengingati cara saya mencapai persetujuan menerusi (bekas Menteri Kewangan) Tun Daim (Zainuddin) dengan Dr Mahathir, saya bertanya perdana menteri saya sama ada beliau mahu saya mencuba. Beliau berkata ya, teruskan," katanya.

Lee melawat Malaysia pada Ogos tahun lepas yang perbincangan beliau dengan Dr Mahathir juga bertumpu kepada usaha menyelesaikan isu-isu tertanggung itu.

Mengenai militan Islam, beliau berkata sesetengahnya telah melancarkan serangan terhadap sasaran seperti Pusat Dagangan Dunia di New York dan kapal laut Amerika di Aden, Yemen.

"Saya rasa keadaan itu akan berterusan dan kami perlu mengawasinya dengan berhati-hati kerana jika ia mula bertapak di Indonesia...Malaysia dan kemudian ke Johor, kami akan terdedah kepadanya. Jadi, ia bukanlah sesuatu yang kami lihat tanpa sebarang kepentingan," katanya.

-- BERNAMA
MAM HS NAK